

Melaka Energy Park suatu anjakan paradigma

Norafiqah Jamal

SUNGAI UDANG - Petronas Penapisan Melaka atau Malaysian Refining Company Sdn Bhd (MRCSB) yang dijenamekan semula sebagai Melaka Energy Park dilihat sebagai anjakan paradigma buat Petronas.

Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin berkata penjenamaan semula itu dilihat positif dan disambut baik oleh Kerajaan Negeri dan warga sekitar Sungai Udang.

Beliau yang juga Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Udang berkata dengan mel-

etakkan nama Melaka pada jenama pengendali tapak penapisan terbesar di negara itu ia turut disifatkan sebagai perkara yang membanggakan.

"Melaka Energy Park, penjenamaan itu selari dengan pengoperasiannya selama 30 tahun di Sungai Udang. Kerajaan Negeri mengalu-alukan pertukaran nama dengan membawa nama Melaka dalam jenama yang diyakini dan disegani.

"Perkara ini saya lihat, ia adalah satu anjakan paradigma yang dilakukan pihak Petronas untuk mengukuhkan lagi posisi mereka sebagai salah satu pemain industri berkaitan minyak petroleum di Malaysia serta persada antarabangsa," katanya.



RAIS

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Sungai Udang di Japerun Sungai Udang, 3 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Rais berkata dari sudut pandang sosioekonomi, pihaknya mengharapkan jenama



WARGA kerja Malaysia Refining Company Sdn Bhd Sungai Udang menunjukkan isyarat 'tiga' sebagai tanda ulang tahun ke-30 syarikat penapisan itu bertapak di Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

tersebut dapat terus bertahan seterusnya membuka peluang ekonomi kepada warga tempatan.

"Kita harapkan Pe-

tronas yang sudah 30 tahun bertapak di Sungai Udang ini akan terus beroperasi di sini dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan.

"Bukan sahaja kepada penduduk sekitar bahkan membuka peluang untuk kontraktor-kontraktor kecil Bumiputera," katanya.